

**KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**



KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut;

NO. SEBUT HARGA : JPS WPKL(SH)/P/33/2026
TAJUK : KERJA-KERJA PENGALURAN SUNGAI UNTUK MENGURANGKAN RISIKO BANJIR SERTA KERJA BERKAITAN DI SUNGAI PENCHALA BERHAMPIRAN STESEN MRT TTDI, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)**¹ serta **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah di bawah bidang berikut :

Gred	Kategori	Pengkhususan
G2	CE	CE21- Pembinaan Kejuruteraan Awam
G2	CE	CE40- Kerja-Kerja Pengorekan dan Kawalan Hakisan

*Kebenaran Khas adalah tidak dibenarkan.

3. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu operasi di **Kaunter Jual Sebut Harga, Aras Bawah, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur** mulai dari **23 Jun 2026 (Selasa)** hingga **29 Jun 2026 (Isnin)**.

Waktu Operasi Kaunter Jual Sebut Harga

HARI	MASA	
	Pagi	Petang
Isnin- Khamis	9.00 pagi- 12.30 tengahari	2.30 petang - 4.00 petang
Jumaat	9.00 pagi- 12.00 tengahari	-

4. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN/DIGALAKKAN/TIADA**² dan hanya kontraktor yang menghadiri taklimat dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. Butiran taklimat seperti berikut:

Tarikh: 22 Jun 2026 (Isnin)
Masa pendaftaran: 9.30pagi- 10.30 pagi
Tempat: Kawasan Parkir Belakang, Jabatan Pengairan dan Saliran
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

5. Bagi sesi lawatan tapak atau taklimat sebut harga, hanya penama yang tercatat dalam sijil PPK, SPKK dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/ Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam SPKK (ruj: Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Pindaan 1 Jun 2025).
6. Kontraktor hendaklah membawa bersama Sijil Pendaftaran (Asal) dengan CIDB, Sijil Taraf Bumiputera (jika berkaitan) dan Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate*- TCC) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta satu salinan sijil-sijil berkenaan untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa sesi taklimat.
7. Sila bawa Kad Pengenalan asal dan cop beralamat untuk memudahkan urusan pendaftaran semasa taklimat dijalankan.
8. Kod QR dokumen sebut harga kerja hanya akan dikeluarkan kepada **PENAMA** kontraktor yang sah sahaja dengan membawa Sijil Pendaftaran (Asal) dengan CIDB dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkaitan) dan Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate*- TCC) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta Kad Pengenalan asal dan cop syarikat yang mempunyai alamat kontraktor.

¹ Keluarkan STB jika Sebut Harga dibuka kepada Bukan Bumiputera
² Potong mana yang tidak berkaitan

**KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**



KENYATAAN SEBUT HARGA

9. Sebut harga ini akan ditutup pada **29 Jun 2026 (Isnin)**. Dokumen sebut harga hendaklah diisikan dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan dituliskan nombor sebut harga di sebelah atas kiri sampul tersebut serta dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Aras Bawah, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.
10. Penyebut harga boleh menghantar Dokumen sebut Harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas sebelum/pada Tarikh Tutup Sebut Harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
11. Tiada maklumat berkenaan sebut harga boleh disiarkan dalam sebarang akhbar. Majalah atau alat pengiklanan/ media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.
12. Sebarang pertanyaan, sila email kepada bubkjpswpkl@water.gov.my.

Pejabat Memanggil Sebut Harga
Ir. NOR ROZAINI BINTI ABDULLAH

TIMBALAN PENGARAH
Nama **JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**
Jawatan **WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**
Tarikh

16/6/2026